

| | | | |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH | 17 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 22 | RUANGAN | SETEMPAT |

Manfaatkan kafeteria

KELANA JAYA: Kafeteria yang disediakan Tabung Haji, di sini, boleh dimanfaatkan bakal jemaah haji dan waris yang menunggu waktu melaporkan diri sebelum berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk ke Tanah Suci Makkah.

Timbalan Pengarah Tabung Haji Negeri, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, kafeteria yang diuruskan anak syarikat Tabung Haji iaitu TH Global And Services Sdn Bhd itu disediakan di tingkat satu kompleks berkenaan.

"Kantin ini beroperasi 24 jam sepanjang operasi pelepasan jemaah di sini dan mereka boleh mendapatkan pelbagai juadah dengan harga yang berpatutan.

"Malah kafe ini juga memudahkan jemaah yang menginap di asrama kami untuk mendapatkan makanan khususnya pada waktu malam kerana ia terletak di dalam kawasan kompleks dan tak jauh dari bilik jemaah," katanya.